

Pekan Sri Jaya dilanda banjir

MARAN - Hujan tanpa henti kadang kala lebat sejak jam 8 pagi semalam menyebabkan pekan Sri Jaya, Luit, mengalami banjir kilat selama dua jam, sekali gus menjejaskan aktiviti perniagaan di situ.

Lebih 30 kedai pelbagai jenis perniagaan dan kediaman dimasuki air kira-kira jam 11.30 pagi setinggi 0.5 meter secara tiba-tiba dengan aliran deras.

Seorang peniaga, Nga Hoo, 61, berkata, hujan berpanjangan mengakibatkan peningkatan air sungai berdekatan secara berterusan menghalang aliran air dari longkang ke sungai berkenaan.

Menurutnya, air dari longkang tidak dapat mengalir dan akhirnya bertakung sebelum memasuki premis perniagaan.

"Aliran sungai ini seperti satu pusingan dan apabila ia tidak mengalir dengan baik, limpahan di hulu dan hilir mengepung ka-

wasan premis saya.

"Kejadian banjir kilat di sini bukan perkara baru kerana sejak kecil saya sudah alami dan bersedia hadapinya jika hujan lebat," katanya.

Kata Nga Hoo, sistem perparitan di pekan tersebut perlu dikaji semula, malah longkang sedia ada terlalu kecil dan tidak dapat menampung aliran air yang banyak.

Sementara itu, rakannya, Chin Yeit Quan, 56, berkata, banjir kilat itu sudah dijangka apabila hujan dalam tempoh lama selain paras air sungai semakin tinggi.

Katanya, kejadian itu dipercayai berpunca dari sistem perparitan tidak sempurna.

"Ada beberapa sahaja longkang di sini dan semuanya kecil maka apabila hujan lebat, air mudah bertakung.

"Saya harap masalah ini diatasi segera kerana sudah lama berlaku," katanya.